




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

14 OKTOBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 691 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 208,197 kes. Sebanyak 15 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu tiga (3) kes di Lahad Datu, dua (2) kes di Kota Kinabalu dan Kota Marudu manakala Beaufort, Keningau, Kota Belud, Nabawan, Penampang, Sandakan, Tenom dan Tuaran masing-masing mencatatkan satu (1) kes kematian. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 656 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 195,674 orang. Manakala 2,389 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 945 orang di hospital, 1,436 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, lima (5) orang di Pusat Tahanan Sementara(PTS) / Penjara manakala tiga (3) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 121 orang merangkumi 108 di ICU/repurposed kritikal care serta 13 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 41 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 170 (51.05%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Sabah mencatatkan sedikit penurunan (-60) kes menjadikan kumulatif harian pada hari ini sebanyak (691) kes.
- b. Jumlah daerah yang mencatatkan penurunan adalah sebanyak 14 daerah manakala 13 daerah lagi mencatatkan peningkatan.
- c. Tidak ada daerah yang mencatatkan angka pada paras tiga (3) angka, manakala sebanyak tujuh (7) daerah mencatatkan kes baharu pada catatan satu (1) angka saja hari ini.
- d. Bagi bandar-bandar utama di Negeri Sabah, Kudat, Kota Kinabalu dan Tawau merekodkan peningkatan kes namun ianya pada margin satu (1) angka saja. Manakala bandar-bandar lain merekodkan penurunan kes pada hari ini.
- e. Antara daerah yang mencatatkan peningkatan kes yang ketara ialah Kota Marudu (+26) kes, Pitas (+26) kes, Ranau (+25) kes dan Kunak (+11) kes.
- f. Manakala daerah yang merekodkan penurunan kes yang ketara pula ialah Sandakan (-39) kes, Beaufort (-29) kes, Kota Belud (-24) kes, Putatan (-18) kes, Penampang (-15) kes, Lahad Datu (-13) kes, Tenom (-12) kes dan Keningan (-10) kes.
- g. Kes yang didaftarkan dalam tempoh 24 jam lepas ialah (466) kes atau 67.44% daripada kumulatif harian dan selebihnya adalah kes-kes yang didaftarkan selepas 2 hari keputusan diketahui.
- h. Daripada jumlah kes jangkitan baru yang direkodkan hari ini, 14.62% adalah daripada Kategori 1 dan 81.62% adalah daripada Kategori 2. Jumlah pesakit Kategori 3 ialah dua (2) kes, tiga (3) kes dalam Kategori 4 dan juga tiga (3) kes dalam Kategori 5. Sebanyak (18) kes masih dalam siasatan lanjut.
- i. Masyarakat digesa untuk terus mematuhi SOP Kendiri yang telah digariskan agar kawalan jangkitan baharu dapat dibendung sekalipun pelbagai sektor ekonomi dan kemudahan awam dibuka bagi memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat.

- j. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (407) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	231	33.43%
3	Kontak	407	58.90%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	53	7.67%
JUMLAH		691	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (13 Oktober 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 13/10/2021	Catatan Kes 14/10/2021	Perbandingan
1	Kota Marudu	27	53	+26
2	Pitas	26	52	+26
3	Ranau	47	72	+25
4	Kunak	2	13	+11
5	Kudat	25	34	+9
6	Kinabatangan	8	17	+9
7	Tongod	3	11	+8
8	Papar	18	24	+6
9	Kota Kinabalu	74	79	+5
10	Tawau	21	25	+4
11	Beluran	17	20	+3
12	Semporna	5	7	+2
13	Kuala Penyu	0	2	+2
14	Sandakan	58	19	-39
15	Beaufort	34	5	-29
16	Kota Belud	75	51	-24
17	Putatan	23	5	-18
18	Penampang	40	25	-15
19	Lahad Datu	46	33	-13
20	Tenom	49	37	-12
21	Keningau	45	35	-10
22	Tuaran	48	39	-9
23	Tambunan	19	12	-7
24	Telupid	19	12	-7
25	Nabawan	8	3	-5
26	Kalabakan	6	2	-4
27	Sipitang	8	4	-4
JUMLAH		751	691	-60

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (30 September – 13 Oktober)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	45	28	0	6	79	1,149
Ranau	0	50	16	0	6	72	758
Kota Marudu	0	27	23	0	3	53	563
Pitas	0	44	6	0	2	52	367
Kota Belud	0	27	15	0	9	51	796
Tuaran	0	21	13	0	5	39	511
Tenom	0	24	13	0	0	37	501
Keningau	0	14	17	0	4	35	689
Kudat	0	23	11	0	0	34	370
Lahad Datu	0	20	9	0	4	33	592
Penampang	0	13	10	0	2	25	402
Tawau	0	4	18	0	3	25	374
Papar	0	15	9	0	0	24	388
Beluran	0	16	3	0	1	20	209
Sandakan	0	9	10	0	0	19	477
Kinabatangan	0	15	1	0	1	17	267
Kunak	0	8	5	0	0	13	122
Telupid	0	9	3	0	0	12	169
Tambunan	0	11	1	0	0	12	165
Tongod	0	1	10	0	0	11	112
Semporna	0	0	3	0	4	7	124
Beaufort	0	4	1	0	0	5	230
Putatan	0	2	3	0	0	5	257
Sipitang	0	2	2	0	0	4	171
Nabawan	0	1	0	0	2	3	173
Kalabakan	0	2	0	0	0	2	47
Kuala Penyu	0	0	1	0	1	2	52
JUMLAH	0	407	231	0	53	691	10,035

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tiada Catatan Kluster		

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,538 unit

- Hospital 1,958 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,110 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 442 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 36.54%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 14 OKTOBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	688
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	2
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	1
Jumlah	691

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
United Kingdom	1
Singapura	1
Jumlah	2

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	676
Bukan Malaysia	15
Jumlah	691

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	146
Belum Menerima Vaksin	121
Menerima 1 Dos	37
Lengkap 2 Dos	387
Jumlah	691

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	9
1 to 5	63
6 to 11	74
12 to 17	61
18 to 25	92
26 to 59	311
>60	81
Jumlah	691

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 14 Oktober 2021)
1	Ranau	1
JUMLAH		1

D SOP PENGURUSAN PENGEBUMIAN DAN PENGHORMATAN TERAKHIR DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM DAN *FUNERAL PARLOUR*

SOP pengurusan pengebumian dan penghormatan terakhir di rumah ibadat bukan Islam dan *funeral parlour* (Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 2) bermula 15 Oktober 2021 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

E KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA KHAS SOP COVID-19 BAGI HAL EHWAL ISLAM BERKAIT AKTIVITI MASJID DAN SURAU DI NEGERI SABAH

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (COVID-19) semalam telah dipersetujui sebagaimana berikut:

- i** Bagi **Solat Jumaat dan Solat Fardhu Berjemaah**, bilangan jemaah yang dibenarkan hadir ke masjid/ surau adalah 50% mengikut kapasiti masjid dan surau dengan penjarakan satu (1) meter. Individu yang **telah lengkap divaksin** adalah diutamakan.
- ii** Aktiviti masjid dan surau dibenarkan seperti kuliah maghrib, kuliah dhuha, kelas agama dan seumpamanya **mengikut bilangan kapasiti** yang dibenarkan. Mesyuarat Agung Jawatankuasa masjid dan surau termasuk dalam kebenaran ini.
- iii** Majlis Akad Nikah pula dibenarkan diadakan di dewan atau ruang khas masjid mengikut kapasiti dewan dan ruang khas tersebut; dan
- iv** Pengurusan jenazah dan ziarah kubur dibenarkan mengikut bilangan tidak lebih 30 orang.

Umat Islam juga dinasihatkan agar mematuhi sepenuhnya Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Pihak Berkuasa Negeri dari samasa ke semasa bagi memutuskan penularan wabak COVID-19.

F STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 13 Oktober 2021 adalah seramai 37,994 orang. Daripada jumlah ini, seramai 14,458 orang adalah penduduk dewasa dan seramai 23,446 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 13 Oktober 2021 adalah seramai 2,392,157 orang. Ini meliputi 2,085,297 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 75.6% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,116,116 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,960,860 orang atau 71.1% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 306,860 orang atau 72.0% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 155,256 atau 36.0% orang setakat ini.

G BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **655,294** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

H LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 32 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 16,723 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 60 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 62 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 20 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Tujuh (7) Orang : Individu gagal Mendaftar Masuk Premis
 - 12 Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka
 - Satu (1) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Perintah Kawalan Pergerakan

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 128 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 25 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 984 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak satu (1) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Penampang. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT.
 - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 512 premis perniagaan dan 706 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 307 Premis Perniagaan melibatkan 201 anggota APM. Sejumlah dua (2) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 119 anggota di 162 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 23 premis, melibatkan 10 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 139 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 12 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 270 hebahan di seluruh Sabah.

I KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **97.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	98%
2	Tenom	98%
3	Tuaran	98%
4	Kunak	97.5%
5	Beluran	97.5%
6	Beaufort	97.5%
7	Kota Belud	97.5%
8	Penampang	97.5%
9	Lahad Datu	97.5%
10	Keningau	97.5%
11	Kinabatangan	97.5%
12	Kudat	97.5%
13	Ranau	97.5%
14	Tawau	97%
15	Sandakan	97%
16	Kota Marudu	97%
17	Papar	97%
18	Semporna	97%
19	Kota Kinabalu	96.5%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**


KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT
SOP PENGURUSAN PENGEBUMIAN DAN PENGHORMATAN TERAKHIR DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM DAN FUNERAL PARLOUR (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN BERMULA 15/10/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / UPACARA DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEMASA DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM DAN FUNERAL PARLOUR Melibatkan penganut, ahli keluarga atau Ahli Jawatankuasa Pengurusan Funeral Parlour	Tempoh operasi 6 pagi hingga 8 malam . Tempoh upacara tidak melebihi 2 jam setiap sesi. 50% kapasiti ruang atau 30 orang yang mana lebih rendah termasuk ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan serta mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.	Merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera / SabahTrace atau dalam buku log kehadiran. Menyediakan kaunter di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan, menggunakan <i>hand sanitizer</i> dan rekod kehadiran. Diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan <i>hand sanitizer</i> atau sabun dan air. Kerap melakukan pembersihan dan disinfeksi permukaan yang kerap disentuh, ruang ibadat dan peralatan sembahyang. Menyusun dan membuat penandaan jarak kedudukan ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan di dalam dewan dan ruang ibadat sekurang-kurangnya 1 meter. Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan DIWAJIBKAN membawa peralatan sembahyang sendiri. Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak digalakkan hadir.	Persiapan semasa operasi di Rumah Ibadat bukan Islam Pemilihan kehadiran Ahli Jawatankuasa Pengurusan untuk hadir sembahyang dan ahli keluarga hadir di Rumah Ibadat bukan Islam tidak melebihi 30 orang . Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang menghidap penyakit kronik tidak dibenarkan hadir. Ahli Jawatankuasa Pengurusan wajib pamer notis tentang perlunya membawa peralatan sembahyang sendiri.	Bersalaman dan bersentuhan. Kehadiran penganut di dalam dan di luar Rumah Ibadat bukan Islam. Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas. Perkongsian peralatan sembahyang oleh ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan.

Tarikh dikemaskini: 14 Oktober 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP PENGURUSAN PENGEBUMIAN DAN PENGHORMATAN TERAKHIR DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM DAN FUNERAL PARLOUR (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN BERMULA 15/10/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / UPACARA DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
<p>PERATURAN SEMASA BERADA DI RUMAH KEDIAMAN / FUNERAL PARLOUR</p> <p>Melibatkan ahli keluarga atau Ahli Jawatankuasa Pengurusan <i>Funeral Parlour</i>.</p> <p>Tidak melebihi tiga(3) hari untuk penghormatan terakhir sebelum pengebumian</p>	<p>Tempoh operasi 6 pagi hingga 8 malam.</p> <p>Tempoh masa aktiviti melawat dan memberi penghormatan terakhir tidak melebihi 5 minit (di dalam rumah / <i>Funeral Parlour</i>)</p> <p>50% kapasiti ruang atau 30 orang yang mana lebih rendah termasuk ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan serta mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.</p>	<p>Merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera / SabahTrace atau dalam buku log kehadiran</p> <p>Menyediakan kaunter di pintu masuk rumah kediaman / <i>Funeral Parlour</i> bagi memeriksa suhu badan, menggunakan <i>hand sanitizer</i>.</p> <p>Urusan persiapan mayat diuruskan TIDAK MELEBIHI 5 orang sahaja (pemandian / pembersihan / pemakaian).</p> <p>Mewajibkan pemakaian pelitup muka sepanjang masa, penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dan kerap mencuci tangan atau menggunakan <i>hand sanitizer</i>.</p> <p>Tidak dibenarkan berkongsi peralatan.</p> <p>Aktiviti sembahyang di rumah pada sebelah malam hanya dibenarkan dalam tempoh 2 jam untuk ahli keluarga dengan bilangan 15 orang ahli keluarga yang lengkap divaksin sahaja dalam tempoh tidak melebihi 10 hari</p> <p>Proses penghormatan terakhir dibenarkan tidak melebihi 5 orang yang telah lengkap divaksin (termasuk tuan rumah) setiap masa. Pelawat dikehendaki beratur mengikut giliran dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter</p> <p>Upacara kematian diuruskan mengikut anutan agama atau kepercayaan dan adat masing-masing dan upacara perarakan beramai-ramai tidak dibenarkan.</p> <p>Mayat di bawa ke tanah perkuburan atau tempat pembakaran mayat / krematorium untuk pengebumian dengan diiringi ahli keluarga tidak melebihi 30 orang.</p> <p>Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak digalakkan hadir.</p>	<p>Pematuhan SOP diwajibkan.</p> <p>Tuan rumah / Ahli Jawatankuasa Pengurusan <i>Funeral Parlour</i> hendaklah memastikan semua ahli keluarga faham dan patuh kepada SOP yang disediakan.</p> <p>Objektif kedatangan pelawat memberi penghormatan terakhir ialah</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Memberi sumbangan / derma 2. Sembahyang (berdoa) 	<p>Ahli keluarga / Ahli Jawatankuasa Pengurusan <i>Funeral Parlour</i> bersalaman dan bersentuhan.</p> <p>Pelawat berkumpul diluar rumah / <i>Funeral Parlour</i> (15 ahli keluarga dikecualikan)</p> <p>Ahli keluarga / Ahli Jawatankuasa Pengurusan <i>Funeral Parlour</i> yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas.</p> <p>Perkongsi peralatan.</p> <p>Upacara perarakan beramai-ramai.</p> <p>Majlis makan minum dirumah</p> <p>Aktiviti sosial komuniti</p>

Tarikh dikemaskini: 14 Oktober 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP PENGURUSAN PENGEBUMIAN DAN PENGHORMATAN TERAKHIR DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM DAN FUNERAL PARLOUR (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN BERMULA 15/10/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / UPACARA DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
<p>PERATURAN DI TAPAK PERKUBURAN / KREMATORIUM / KOLUMBARIUM</p> <p>Ahli keluarga atau Ahli Jawatankuasa Tanah Perkuburan atau Ahli Jawatankuasa Pengurusan Krematorium dan Kolumbarium</p>	<p>Tempoh operasi 6 pagi hingga 8 malam.</p> <p>Tempoh upacara di tapak perkuburan / krematorium / kolumbarium tidak melebihi 2 jam.</p> <p>Kehadiran ahli keluarga tidak melebihi 30 orang tidak termasuk Ahli Jawatankuasa Tanah Perkuburan / Krematorium / Kolumbarium dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.</p>	<p>Merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera / SabahTrace atau dalam buku log kehadiran</p> <p>Menyediakan tempat di tapak perkuburan bagi memeriksa suhu badan, menggunakan <i>hand sanitizer</i>.</p> <p>Diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan <i>hand sanitizer</i> atau sabun dan air.</p> <p>Mewajibkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.</p> <p>Upacara kematian diuruskan mengikut anutan agama atau kepercayaan dan adat masing-masing dan upacara perarakan beramai-ramai tidak dibenarkan.</p> <p>Ahli keluarga yang berada di kampung perlu melalui Ketua Kampung untuk mengenalpasti bilangan minima petugas yang diperlukan untuk ke tapak perkuburan.</p> <p>Ahli keluarga yang berada di bandar perlu mengenalpasti bilangan minima petugas yang diperlukan untuk ke tapak perkuburan sama ada melalui pemilihan oleh Ahli Jawatankuasa Pengurusan Mayat di <i>Funeral Parlour</i> / mengikut anutan agama masing-masing.</p> <p>Cara keluar tapak perkuburan / krematorium / kolumbarium secara tertib dan mengikut SOP yang ditetapkan.</p> <p>Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak digalakkan hadir.</p>	<p>Pemilihan petugas untuk ahli keluarga di luar bandar, di bandar dan di <i>Funeral Parlour</i> untuk tujuan kebenaran mengurus mayat di tapak perkuburan adalah tertakluk kepada bilangan minima yang diperlukan hadir.</p> <p>Pematuhan SOP diwajibkan.</p> <p>Ahli keluarga / Ahli Jawatankuasa Pengurusan <i>Funeral Parlour</i> perlu bersurai segera dalam keadaan tertib.</p>	<p>Ahli keluarga bersalaman dan bersentuhan.</p> <p>Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas.</p> <p>Upacara perarakan beramai-ramai.</p>

Tarikh dikemaskini: 14 Oktober 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP PENGURUSAN PENGEBUMIAN DAN PENGHORMATAN TERAKHIR DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM DAN FUNERAL PARLOUR
(PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN BERMULA 15/10/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / UPACARA DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN UPACARA MELEPASKAN ABU MAYAT Melibatkan ahli keluarga sahaja.	Tempoh operasi 6 pagi hingga 6 petang . Tempoh upacara tidak melebihi 2 jam. Kehadiran ahli keluarga tidak melebihi 10 orang dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.	Proses pelepasan abu mayat di sungai atau laut hanya melibatkan ahli keluarga tidak melebihi 10 orang dan mengikut anutan agama dan kepercayaan masing-masing. Upacara perarakan dalam ahli keluarga beramai-ramai tidak dibenarkan. Ahli keluarga segera bersurai dalam keadaan tertib selepas upacara melepaskan abu mayat. Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak digalakkan hadir.	Pematuhan SOP diwajibkan. Upacara perarakan dalam ahli keluarga beramai-ramai dilarang. Ahli keluarga perlu bersurai segera dalam keadaan tertib.	Ahli keluarga bersalaman dan bersentuhan. Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas. Upacara perarakan dalam ahli keluarga beramai-ramai.

Tarikh dikemaskini: 14 Oktober 2021